



AT-TAQWA

Bil. (12) 1/2009 (April 2009/Rabiul Akhir 1430H)


التقوى

web : www.muftiselangor.gov.my

e-mail : mufti_sel@selangor.gov.my

EDARAN PERCUMA

Gerhana MATAHARI



Kesan graviti ketika gerhana matahari menyebabkan telur ayam tidak jatuh. Gambar ini diambil pada 26 Januari 2009 di Pantai Anyer Banten, Jawa Barat, Indonesia.

MENARIK DI DALAM



YOGA:
Ketenangan @
Bertentangan?

Muka Surat 7



Gerhana Matahari
Anular

Muka Surat 12



Program Sehari
Bersama Falak

Muka Surat 13



Program Turun
Padang

Muka Surat 15



Sidang Redaksi

PENAUNG

Y.A.D. S.S. Dato' Setia Hj. Mohd Tamyas b. Abd Wahid
Dato' Seri Utama Diraja Mufti Selangor

PENASIHAT

Y.Bhg. S.S. Dato' Hj. Abdul Majid b. Omar
Timbalan Mufti Selangor

KETUA PENGARANG

Us. Rizal Ramli
Pegawai Hal Ehwal Islam

PENOLONG PENGARANG

Cik Norlida bt. Abdullah

SIDANG PENGARANG

Us. Mohd Daruddin b. Hj. Taib @ Hasan
En. Abdul Razak b. Johar
En. Mohd Jureime b. Mohd Kamar
Us. Sufiyan Hadi b. Sayuti
Us. Mohd Afiz b. Hasan
Pn. Rosidah bt. Saubiran
Cik Norhazanah bt. Sarlan
Us. Mohd Aliff b. Hamad

EDARAN

Pn. Rabiatul Adauwiyah bt. Ramli
Cik Umi Sofia bt. Saad
En. Ahmad Azhar b. Ahmad Radzuan
En. Khalid b. Ab. Hamid
Tn. Hj. Zasali b. Mohd Yunus
En. Amirudin b. Hamzah
En. Mohd Hanif b. Mohd Arip

LENSA.....



MAJLIS PENGANUGERAHAN SEMPENA BULAN KUALITI TAHUN 2008 PENTADBIRAN KERAJAAN NEGERI SELANGOR

Majlis tersebut telah diadakan pada 13 November 2008 (Khamis) yang dirasmikan oleh Y.A.B. Tan Sri Dato' Abdul Khalid b. Ibrahim, Dato' Menteri Besar Selangor, bertempat di Dewan Jubli Perak, Sultan Abdul Aziz Shah, Shah Alam.

Majlis penganugerahan ini diadakan untuk memberi pengiktirafan kepada penjawat awam dan jabatan kerajaan di negeri ini, yang menunjukkan prestasi cemerlang.

Jabatan Mufti Negeri Selangor telah terpilih untuk menerima anugerah-anugerah seperti berikut:-

ANUGERAH PERKHIDMATAN CERLANG (APC) TAHUN 2007

Anugerah ini diberikan kepada kakitangan yang telah menunjukkan prestasi cemerlang. Senarai penerima seperti berikut:-



Us. Abdul Latip b. Ibrahim
Pem. Hal Ehwal Islam (S17)
Bahagian Falak



Cik Norlida bt. Abdullah
Pem. Tadbir Ren. (N11)
Bahagian Pent./Kew.

Mereka menerima wang tunai berjumlah RM1,000.00 beserta **sijil penghargaan**.

ANUGERAH JASAMU DIKENANG (AJD) TAHUN 2008

Anugerah ini diberikan bagi menghargai sumbangan, jasa dan budi yang dicurahkan oleh pegawai-pegawai yang telah berkhidmat melebihi 25 tahun. Senarai penerima seperti berikut:-



S.S. Dato' Setia Hj. Mohd Tamyas
b. Abd Wahid
Mufti Selangor (JUSA C)
Tempoh perkhidmatan :
30 tahun (5/11/1979 – kini)



Us. Mat Jais b. Kamos
Peg. Hal Ehwal Islam (S44)
Tempoh perkhidmatan :
29 tahun (12/4/1980 – kini)




Pn. Noraliza bt. Mohamed Saad
Pem. Tadbir (KS) (N22)
Tempoh perkhidmatan :
27 tahun (1/4/1982 – kini)



En. Amirudin b. Hamzah
Pemandu Kenderaan (R3)
Tempoh perkhidmatan :
29 tahun (16/7/1980 – kini)

Mereka menerima **sijil penghargaan** serta **hadiah iringan**.

ANUGERAH PENGURUSAN PEJABAT DAN PENTADBIRAN CEMERLANG (APPC) 2008



Jabatan ini telah berjaya mempertahankan rekod kemenangan selama 4 tahun berturut-turut mulai 2005, 2006, 2007 dan 2008 dengan menerima wang tunai **RM10,000.00** serta **sijil penghargaan**.



ISTIADAT PENGURNIAAN DARJAH DAN BINTANG KEBESARAN NEGERI SELANGOR



Pada 11 Disember 2008 (Khamis), bertempat di Balai Rung Seri, Istana Alam Shah, Klang, telah berlangsung Istiadat Pengurniaan Darjah Dan Bintang Kebesaran Negeri Selangor Darul Ehsan Sempena Menyambut Ulang Tahun Hari Keputeraan Yang Ke 63 D.Y.M.M. Sultan Selangor. Di dalam istiadat tersebut, **Ustaz Mat Jais b. Kamos**, telah dikurniakan **Darjah Kebesaran Bintang Perkhidmatan Cemerlang (B.P.C.)**.

SENARAI PERTUKARAN DAN PENEMPATAN PEGAWAI DI JABATAN MUFTI NEGERI SELANGOR

NAMA	JAWATAN	TARIKH	PENEMPATAN
Pn. Norzila bt. Mohd Nor	Pen. Peg. Hal Ehwal Islam (S27) (Tetap)	16.1.2009	Bertukar ke PAID K. Selangor
En. Jaslan b. Ali	Pen. Peg. Hal Ehwal Islam (S27) (Tetap)	1.12.2008	Bahagian Falak
En. Sufiyan Hadi b. Sayuti	Pen. Peg. Hal Ehwal Islam (S27) (Tetap)	16.1.2009	Bahagian Istihsan
Cik Norhassnida bt. Hassan	Pem. Hal Ehwal Islam (S17) (Kontrak)	10.2.2009	Bahagian Penasihat Aqidah
Cik Nor Hani bt. Jaludin	Pem. Hal Ehwal Islam (S17) (Sambilan)	17.11.2008	Perpustakaan Jabatan Mufti

**HARI KELUARGA DAN SAMBUTAN I'DULFITRI JABATAN MUFTI NEGERI SELANGOR 2008,
PADA 25-26 OKTOBER 2008 DI PNB ILHAM RESORT, PORT DICKSON**


**SEKILAS...**

Sejak pengasingan Jabatan Mufti Negeri Selangor daripada JAIS, pelbagai kemajuan telah dicapai. Perkembangan bahagian-bahagian serta kakitangan juga dilihat sebagai faktor penyumbang kepada kemajuan tersebut.

Ketua Pengarang, Rizal Ramli mewawancara Sahibus Samahah Dato' Seri Utama Diraja Mufti Selangor berhubung perkembangan Jabatan Mufti Negeri Selangor. Ikuti wawancara yang telah dirakamkan.

**KETUA PENGARANG**

Terlebih dahulu tahniah diucapkan kepada Dato' kerana telah mengetuai jabatan ini lebih kurang 10 tahun. Pentadbiran Jabatan Mufti Negeri Selangor mula diasingkan daripada JAIS pada tahun 1998. Sehingga hari ini, apa yang boleh Dato' perkatakan tentang perkembangan jabatan ini?

DATO' MUFTI

Terima kasih kerana menjemput saya dalam ruangan ini. Bagi menjawab persoalan tersebut, saya ingin fokuskan kepada 3 aspek penting iaitu:-

Pertama : Perkembangan Perjawatan

Jika dahulu, hanya terdapat 2 orang sahaja kakitangan iaitu Mufti dan Pemandu, tetapi pada hari ini Jabatan Mufti Negeri Selangor telah mempunyai seramai **34 orang kakitangan**. D daripada jumlah tersebut, **23 orang (tetap)**, **10 orang (kontrak)** dan **1 orang (sambilan)**. Walau bagaimanapun, kita melihat terdapat keperluan untuk membuat penambahan jawatan di samping menaik taraf jawatan sedia ada sesuai dengan perkembangan semasa. InsyaAllah kita sedang dalam perancangan ke arah itu.

Kedua : Perkembangan Bahagian

Pada hari ini, Jabatan Mufti Negeri Selangor mempunyai **5 bahagian** yang menggerakkan fungsi dan peranan jabatan secara keseluruhannya iaitu **Bahagian Istihsat**; diketuai oleh Pegawai Hal Ehwal Islam (S44), **Bahagian Falak**; Pegawai Hal Ehwal Islam (S41), **Bahagian Penasihat Aqidah**; Pegawai Hal Ehwal Islam (S41), **Bahagian Pentadbiran/Kewangan**; Penolong Pegawai Tadbir (N32) dan **Bahagian Teknologi Maklumat**; Pegawai Teknologi Maklumat (F41). Pelbagai aktiviti telah dan sedang dirancang oleh setiap bahagian berdasarkan Sasaran Kerja Tahunan (SKT). Semestinya setiap aktiviti tersebut berpandukan kepada Visi dan Misi Jabatan Mufti Negeri Selangor.

Ketiga : Peruntukan Kewangan

Jabatan Mufti Negeri Selangor mendapat peruntukan kewangan daripada Kerajaan Negeri Selangor. Pada tahun **2008** sebanyak **RM1,546,158.00** peruntukan telah diterima, manakala tahun **2009** sebanyak **RM1,684,866.00**. Walau bagaimanapun, jabatan ini tetap mengamalkan prinsip '**berbelanja secara berhemah**'.

KETUA PENGARANG


Sebentar tadi, Dato' ada memaklumkan bahawa Jabatan Mufti Negeri Selangor mempunyai 5 bahagian. Apakah di antara perkhidmatan-perkhidmatan yang diberikan melalui bahagian-bahagian tersebut kepada masyarakat?

DATO' MUFTI

Melalui bahagian-bahagian yang terdapat di jabatan ini, pelbagai perkhidmatan diberikan kepada masyarakat antaranya soal jawab kemusykil agama, pengeluaran fatwa, penentuan arah qiblat, cerapan hilal, penerbitan taqvim waktu solat, kursus falak, kaunseling aqidah, menguruskan tuntutan pembekal dan sebagainya. Masyarakat di luar sana boleh berhubung terus dengan jabatan ini untuk mendapatkan **perkhidmatan secara percuma**.

KETUA PENGARANG

Kebanyakan masyarakat di negeri ini masih belum mengenali Jabatan Mufti dengan lebih menyeluruh lagi. Justeru, apakah strategi jabatan ini untuk mendekati mereka?

**DATO' MUFTI**

Kita telah merangka pelbagai strategi untuk mendekati mereka, antaranya **Program Turun Padang "Mufti Bersama Masyarakat"**. Program ini telah dimulakan sejak tahun 2007. Ia diadakan pada setiap bulan di masjid-masjid seluruh Selangor dengan mengambil peluang kehadiran jemaah untuk menunaikan solat Jumaat. Program ini memberi peluang kepada jabatan ini, menjelaskan isu semasa berkaitan fatwa di samping orang ramai boleh berinteraksi secara langsung dengan Mufti atau pegawai.

Jabatan ini juga telah **menyediakan laman web** untuk memberi kemudahan kepada masyarakat mendapatkan maklumat dan berhubung terus melalui e-mail (mufi_sel@selangor.gov.my).

Di samping itu, kita melibatkan diri dalam program di media seperti **"Info Kerohanian"** pada setiap hari **Khamis** di **Selangor f.m.** secara langsung mulai jam **6.05 – 6.40** petang.

Kita juga turut dijemput dalam program **"Bicara Mufti"** di **TV1** yang akan dihadiri oleh Mufti Selangor atau Timbalannya. Selain itu, kita menerbitkan pamflet / bahan bacaan / majalah untuk diedarkan kepada masyarakat di negeri ini.

KETUA PENGARANG

Apakah pencapaian yang telah diperoleh oleh Jabatan Mufti Negeri Selangor setakat hari ini?

DATO' MUFTI

Daripada aspek pengurusan kewangan, jabatan ini telah memenangi **Anugerah Pengurusan Kewangan Negeri Selangor** selama **3 tahun berturut-turut** iaitu pada tahun **2003, 2004 dan 2005**.

Di samping itu, kita turut memenangi **Anugerah Pengurusan Pejabat dan Pentadbiran Cemerlang (APPC) Pentadbiran Kerajaan Negeri Selangor** dengan mempertahankan rekod kemenangan selama **4 tahun berturut-turut** iaitu pada tahun **2005, 2006, 2007 dan 2008**. Alhamdulillah.

Jabatan ini juga telah mendapat pengiktirafan **MS ISO 9001:2000** pada tahun 2004 dengan matlamat agar **Sistem Pengurusan Kualiti** dapat dilaksanakan dengan berkesan dan sistematik. Skop pensijilan ialah **Pengurusan Pengeluaran Fatwa, Pewartaan Fatwa, Penentuan Arah Qiblat dan Cerapan Hilal termasuk Pengurusan Pentadbiran dan Kewangan**. Alhamdulillah sehingga hari ini, kita telah dapat mengekalkan sijil tersebut.

KETUA PENGARANG

Sebelum berpisah, apakah harapan Dato' kepada jabatan dan kakitangan khususnya?

DATO' MUFTI

Saya amat berharap agar jabatan ini terus berkembang maju dan cemerlang bagi merealisasikan Visi dan Misi jabatan, sesuai dengan moto **"Kecemerlangan Berpandukan al-Quran dan as-Sunnah"**.

Begitu juga kepada warga kerja jabatan ini agar sentiasa menjalankan amanah dan tanggungjawab yang diberikan di samping meningkatkan kualiti perkhidmatan ke tahap yang maksimum secara konsisten.

Ikuti wawancara seterusnya dalam At-Taqwa 2/2009



KETENANGAN @ BERTENTANGAN?

Di dalam era globalisasi, kebanyakan masyarakat hidup dalam kecelaruan dengan mementingkan aspek pembangunan dan kemajuan. Dek mengejar tuntutan itu, ada yang mendapat tekanan ataupun *stress* kerana tidak diurus dengan baik.

Di Malaysia, terkenal dengan senaman 'YOGA' yang mampu menghilangkan tekanan fikiran dan perasaan di samping menyihat dan mencantikkan tubuh badan. Banyak pusat latihan yoga terdapat di negara ini. Kebanyakan penganjur dan tenaga pengajarnya terdiri daripada kalangan bukan Islam, namun terdapat segelintir masyarakat Islam yang turut terlibat, sama ada mengajar atau menjadi peserta.

Senaman yoga menjadi polemik di kalangan masyarakat Islam. Pelbagai persoalan timbul sama ada boleh diamalkan ataupun tidak. Ikuti penjelasannya:-

Di dalam Kamus Dewan (edisi ke 4) menyatakan yoga ialah sistem falsafah Hindu yang bertujuan menyatukan diri dengan tuhan, dengan mengheningkan fikiran (bertafakur) melalui beberapa senaman gerak badan dan fikiran. Ia juga membawa maksud senaman pelbagai cara untuk menenangkan fikiran seperti

bertafakur, terutama satu siri senaman gerak badan yang bertujuan mewujudkan keadaan badan dan fikiran yang sihat.

Istilah yoga dalam bahasa Sanskrit, berasal daripada kata *yuj*, memberikan banyak makna seperti mengawal, menggalas dan menyatukan. Terjemahannya termasuk bergabung, bersatu, kesatuan, penghubung, jalan atau cara.

Senaman yoga ini berasal daripada kepercayaan Hindu yang mempunyai beberapa cabang antaranya Raja Yoga, Karma Yoga, Jnana Yoga, Bhakti Yoga dan Hatha Yoga. Banyak teks Hindu yang membincangkan aspek yoga, termasuk Veda, Upanishad, Bhagavad Gita, Hatha Yoga Pradipika, Shiva Samhita dan pelbagai Tantra.

Senaman yoga ini bukanlah senaman badan semata. Ia tidak lengkap tanpa meditasi. Melalui disiplin yoga, para yogi/ yogini bermujahadah bagi membebaskan fikiran atau minda daripada dibelenggu kebendaan, deria untuk mencapai Samadhi dengan Brahman. Jelaslah di sini, bahawa yoga merupakan sejenis senaman yang bersumber dan berlatarbelakangkan agama dan falsafah Hindu.

Kesimpulannya, dapat diketahui bahawa senaman yoga ini lebih sinonim dengan amalan agama Hindu. Oleh yang demikian, adalah ditegah mengamalkan apa-apa yang menyerupai agama selain daripada agama Islam.

Melalui sabda Nabi s.a.w. yang bermaksud :

"Sesiapa yang menyerupai sesuatu kaum, maka seseorang itu terdiri daripada kalangan mereka (kaum berkenaan)".

Mesyuarat Jawatankuasa Fatwa Negeri Selangor Bil. 6/2008 pada 30 Disember 2008M bersamaan dengan 2 Muharram 1430H telah membuat keputusan bahawa:-

- i) Senaman yoga yang berasal daripada masyarakat Hindu sejak sebelum Masihi lagi menggabungkan amalan fizikal, unsur-unsur keagamaan dan pemujaan bagi tujuan tertentu adalah tidak sesuai dan boleh merosakkan aqidah umat Islam.
- ii) Apa jua jenis atau bentuk senaman yang mengandungi unsur-unsur tersebut di atas adalah dilarang dan bertentangan dengan syariat Islam.

“Apakah

Apakah hukum melabur di internet seperti SwissCash Mutual Fund?

Pelaburan yang menjamin keuntungan secara tetap seperti yang ditawarkan oleh beberapa syarikat pelaburan dalam dan luar negara seperti SwissCash Mutual Fund dan lain-lain adalah **haram** kerana ia mengandungi unsur riba' dan gharar. Oleh itu, umat Islam dilarang terlibat dengan pelaburan seumpama ini kerana banyak alternatif lain berlandaskan Islam yang boleh disertai oleh umat Islam.

Apakah hukum derma darah dan penggunaan darah orang Islam kepada orang bukan Islam dan sebaliknya?

Menderma darah hukumnya **harus** dan tidak menjadi kesalahan apabila darah orang Islam didermakan kepada orang bukan Islam dan sebaliknya, di mana darah orang bukan Islam juga boleh digunakan oleh orang Islam.

Adakah dibolehkan sekiranya menunaikan umrah dengan kaedah pinjaman secara ansuran melalui bank, koperasi dan sebagainya?

Ibadat umrah hukumnya sunat. Adapun melaksanakan ibadat umrah melalui kaedah pinjaman secara ansuran hukumnya **harus** dengan syarat diyakini mampu membayar balik hutang tersebut dan tidak menjejaskan kehidupan normalnya. Selain itu, skim pinjaman tersebut hendaklah diuruskan melalui badan atau koperasi yang mementingkan prinsip ikhlas, adil dan telus dalam operasinya di samping bebas daripada unsur-unsur riba.

Apakah hukum orang Islam bekerja di rumah orang bukan Islam?

Harus orang Islam bekerja di rumah orang bukan Islam dengan syarat:-

- Pekerjaan tersebut tidak haram di sisi syara';
- Sentiasa menjaga adab dan batas pergaulan; dan
- Pekerjaan tersebut tidak menghalang atau menjejaskan sebagai orang Islam seperti menunaikan kewajipan solat, berpuasa dan sebagainya.

Bagaimanakah cara yang disunatkan bagi mencukur rambut bayi yang baru lahir?

Mencukur rambut bayi yang disunatkan dalam ajaran Islam ialah **mencukur semua rambut di kepala bayi. Ia sebaik-baiknya dilakukan sebelum aqiqah pada hari ketujuh daripada kelahiran bayi.** Sabda Rasulullah s.a.w. maksudnya:

("Anak yang baru lahir itu menjadi gadaian sehingga disembelihkannya baginya aqiqah pada hari yang ketujuh daripada kelahirannya. Pada hari itu, hendaklah dicukur rambutnya dan diberi nama").

Hukumnya..."?

Apakah hukum mengambil insurans nyawa untuk melindungi diri daripada sebarang bencana?

Insurans nyawa (life insurance) wujud di dalam insurans konvensional. Umumnya, insurans nyawa **mengandungi unsur-unsur gharar (tidak jelas) yang diharamkan dalam Islam**. Namun begitu, umat Islam mempunyai pilihan dengan menyertai skim perlindungan Islam seperti Takaful Nasional, Takaful Malaysia dan Takaful Ikhlas yang selaras dengan syariat Islam.

Apakah hukum melabur dalam syarikat yang menjalankan Forex?

Pertukaran wang dengan wang seperti yang terdapat pada urus niaga dalam perniagaan pasaran mata wang (forex trading) adalah mengandungi unsur riba. Kedudukan **nilai mata wang dalam pasaran pula adalah tidak tetap dan boleh berubah bila-bila masa sahaja**. Nabi telah bersabda yang maksudnya : *("Emas dengan emas (ditukar atau diniagakan), perak dengan perak, gandum dengan gandum, tamar dengan tamar, garam dengan garam mesti sama timbangan dan sukatananya, dan ditukar secara terus (pada satu masa) dan jika berlainan jenis, maka berjual belilah kamu sebagaimana yang disukai", Riwayat Muslim).*

Kedudukan sebegini boleh dikategorikan sebagai satu penipuan kepada pihak yang menyertainya. Perniagaan dalam pasaran mata wang seumpama ini berlaku tidak dalam satu majlis.

*"Pertukaran antara perak dan emas adalah riba, kecuali jika ia dilakukan **secara serentak** (serah terima dalam satu masa)", Riwayat Muslim.*

Forex dalam mata wang yang diuruskan syarikat konvensional pasti tidak akan menjaga syarat ini kerana kebanyakan Forex yang dijalankan oleh institusi ini adalah 'Forward Forex' atau Forex yang menggunakan **nilai masa depan** yang tergolong dalam Riba Nasiyah. Oleh itu, penyertaan pelaburan dalam pasaran mata wang (forex trading) hukumnya **tidak halal** kerana mengandungi unsur riba.

Apakah hukum minyak wangi yang mengandungi alkohol?

Setiap minuman arak mengandungi alkohol. Namun, bukan semua alkohol itu daripada arak. Alkohol daripada proses pembuatan arak hukumnya haram dan najis tetapi alkohol yang dibuat bukan melalui proses pembuatan arak hukumnya tidak najis tetapi haram diminum. Adapun alkohol yang digunakan dalam minyak wangi tidak melalui proses pembuatan arak hukumnya adalah **harus**.

Apakah hukum menggunakan dadah jenis syabu?

Penyalahgunaan dadah jenis syabu dan dadah-dadah jenis baru yang lain adalah **haram** dan semua aktiviti yang berkaitan dengan penyalahgunaan dadah ini seperti menanam, memproses, memiliki, menjual, mengedar, membeli atau membenarkan premis digunakan untuk bersubahat dengan penggunaannya adalah juga diharamkan.

Apakah hukum skim cepat kaya dan seumpamanya?

Haram kerana cara beroperasinya yang mengandungi unsur-unsur judi, riba, gharar dan tadlis. Oleh itu, umat Islam dilarang daripada terlibat dengan skim ini.

AHLI JAWATANKUASA FATWA NEGERI SELANGOR (2009-2011)

Jawatankuasa ini dilantik berdasarkan Seksyen 46, Enakmen
Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor) 2003



Y.A.D. S.S. Dato' Setia Hj. Mohd Tamyas b. Abd Wahid
Dato' Seri Utama Diraja Mufti Selangor
Pengerusi



Y. Bhg. S.S. Dato' Hj. Abdul Majid b. Omar
Timbalan Mufti Selangor
Timbalan Pengerusi



Y.B. Datin Paduka Zauyah Be bt. T. Loth Khan
Penasihat Undang-Undang Neg. Selangor



Y.Bhg. Datin Paduka Prof. Dr. Zaleha bt. Kamaruddin
Dekan Kuliyyah Undang-Undang Ahmad Ibrahim (UIAM)
Ahli MAIS



Y.Bhg. Dr. Ab. Halim b. Tamuri
Pensyarah Fakulti Pendidikan (UKM)
Ahli MAIS



Y.Bhg. Tuan Hj. Aliwi b. Parman
KPP Bhg. Perundangan Keluarga (JAIS)
Wakil JAIS



Y.Bhg. Prof. Madya Dato' Hj. Mohd. Mokhtar b. Hj. Shafi
Pensyarah (UM)



Y.Bhg. Dr. Zaidun b. Kamari
Pengarah HUSM, Kubang Kerian,
Kota Bharu, Kelantan



Y.Bhg. Prof. Madya Dato' Hj. Md. Saleh
b. Hj. Md. @ Hj. Ahmad
Pensyarah (UIAM)



Y.Bhg. Dato' Dr. Amran b. Kosimin
Mantan Pensyarah (UKM)



Y.Bhg. Tuan Hj. Abdul Aziz b. Andik Achok
Mantan KPP Unit Pendidikan Islam
Jabatan Pendidikan Selangor



Y.Bhg. Tuan Hj. Sahari b. Abdullah
Pen. Pengarah Sektor Naziran
Bhg. Pendidikan Islam (JAIS)



Y.Bhg. Tuan Hj. Sianid b. Mokim
Mantan KPP Bhg. Pendidikan Islam (JAIS)



Y.Bhg. Ustaz Mat Jais b. Kamos
Pegawai Hal Ehwal Islam (Istinbat)
Setiausaha

AHLI JAWATANKUASA FALAK NEGERI SELANGOR

(2009 – 2011)

Jawatankuasa ini dilantik berdasarkan Seksyen 27, Enakmen
Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor) 2003



Y.A.D. S.S. Dato' Setia Hj. Mohd Tamyas b. Abd Wahid
Dato' Seri Utama Diraja Mufli Selangor
Pengerusi



Y.Bhg. S.S. Dato' Hj. Abdul Majid b. Omar
Timbalan Mufli Selangor
Timbalan Pengerusi



Y.A.A. Dato' Hj. Johdi b. Hj. Toha
Ketua Hakim Syarie Selangor



Y.Bhg. S.S. Dato' Hj. Mohammed Khusrin b. Hj. Munawi
Pengarah Jabatan Agama Islam Selangor



Y.Bhg. Tuan Hj. Rosli b. Ab. Wahab
Timb. Pengarah Jabatan Ukur & Pemetaan Sel.



Al-Fadhil Tuan Hj. Zainal Abidin b. Sulaiman
Peg. Tadbir Agama Daerah K. Selangor



Al-Fadhil Tuan Md. Razali b. Hassanusi
Peg. Tadbir Agama Daerah K. Langat



Al-Fadhil Tuan Hj. Idris b. Hj. Ramli
Peg. Tadbir Agama Daerah S. Bernam



Y.A. Tuan Hj. Zainal Abidin b. Hj. Kusmin
Hakim Mahkamah Rendah Syariah Sepang




Y.Bhg. Ustaz Rizal b. Ramli
Pegawai Hal Ehwal Islam (Falak)
Setiausaha

GERHANA MATAHARI ANULAR



Jabatan Mufti Negeri Selangor telah menyertai program cerapan gerhana matahari anular di **Pantai Anyer Banten, Jawa Barat, Indonesia pada 24 – 28 Januari 2009**. Seramai 5 orang pegawai dan kakitangan yang turut serta, diketuai oleh Sahibus Samahah Dato' Seri Utama Diraja Mufti Selangor.



Di samping itu, terdapat pelbagai agensi yang menyertai program ini antaranya daripada Jabatan Mufti Wilayah Persekutuan, Negeri Sembilan, Perak, Lembaga Zakat Selangor, UM, JAIS, KUIS, JAKIM, ILIM serta INSTUN.


Gerhana matahari anular berlaku apabila cakera bulan menutup sebahagian cakera matahari. Bahagian cakera matahari yang tidak tertutup oleh cakera bulan kelihatan seperti cincin yang bercahaya.

Gerhana tersebut bermula jam 15:20 (WIB) dan tamat jam 17:51 (WIB). Di Anyer, cakera bulan menutup permukaan matahari lebih kurang 85 % ketika maksimum berbanding di Kuala Lumpur, hanya 64% sahaja (ketika maksimum).


Antara kajian yang telah dilaksanakan sepanjang gerhana tersebut ialah:-

1. Pengimejan keseluruhan proses gerhana dengan menggunakan teleskop dan kamera digital untuk mengkaji struktur cirian tepi bulan dan kepersisan ramalan masa kelakuan gerhana matahari.
2. Rakaman keseluruhan proses gerhana video resolusi tinggi untuk menguji kepersisan masa sentuhan pertama, kedua, ketiga dan keempat berbanding dengan yang diramalkan.
3. Pengambilan data suhu, kelembapan dan kecerahan langit (*sky brightness*) untuk mengkaji kesan gerhana terhadap perubahan alam sekitar.
4. Pengimejan menggunakan *pinhole* kamera untuk mengkaji pencirian lubang kecil (*pinhole*) dalam pembentukan imej matahari.
5. Kajian kesan graviti. Bahan eksperimen ialah telur yang dapat ditegakkan ketika gerhana berlaku.

Kajian tersebut akan diuji dan dianalisis di Makmal Fizik Angkasa Universiti Malaya. Hasilnya akan dijadikan bahan pameran, pendidikan falak dan maklumat penyelidikan di Balai Cerap Selangor.



◀ Solat sunat gerhana dan bacaan khutbah.





PROGRAM SEHARI BERSAMA FALAK

Program ini bermula sejak tahun 2007. Ia diadakan pada setiap bulan Islam (kecuali Ramadhan, Syawwal dan Zulhijjah), mengambil sempena cerapan hilal bulanan. Program ini memberi pendedahan kepada masyarakat tentang kaedah menentukan arah qiblat, penerangan awal bulan Islam serta tarikh lahir dalam bulan Islam. Setiap peserta dikenakan bayaran sebanyak RM10.00.

BIL.	TARIKH MILADI	TARIKH HIJRI	TEMPAT	JUMLAH PESERTA
1.	19 Januari 2007 (Jumaat)	29 Zulhijjah 1427	De Palma Kuala Selangor & Baitulhilar B. Malawati	20
2.	18 Februari 2007 (Ahad)	30 Muharram 1428	Baitulhilar Bukit Jugra	21
3.	19 Mac 2007 (Isnin)	29 Safar 1428	PAID Kuala Selangor & Baitulhilar Bukit Malawati	22
4.	18 April 2007 (Rabu)	30 R. Awwal 1428	Baitulhilar Bukit Jugra	12
5.	10 November 2007 (Sabtu)	29 Syawwal 1428	ILDAS	9
6.	7 April 2008 (Isnin)	30 R. Awwal 1429	PAID Kuala Selangor & Baitulhilar Bukit Malawati	37
7.	6 Mei 2008 (Selasa)	29 R. Akhir 1429	Ma'ahad Integrasi Tahfiz Istana Bandar Banting	52
8.	4 Jun 2008 (Rabu)	29 J. Ula 1429	PAID Kuala Selangor & Baitulhilar Bukit Malawati	25
9.	3 Julai 2008 (Khamis)	29 J. Akhir 1429	Baitulhilar Bukit Jugra	13
10.	2 Ogos 2008 (Sabtu)	30 Rajab 1429	Baitulhilar Bukit Jugra	15
11.	29 Oktober 2008 (Rabu)	29 Syawwal 1429	ILDAS	23
12.	25 Februari 2009 (Rabu)	29 Safar 1430	ILDAS	24
13.	27 Mac 2009 (Jumaat)	29 R. Awwal 1430	Baitulhilar Bukit Jugra	19
				292 Orang

Sepanjang program ini dijalankan, pelbagai cadangan daripada peserta telah dikemukakan iaitu:-

- Mempromosi program ini di televisyen agar masyarakat mengetahui Ilmu Falak.
- Membuat dokumentari Falak berkaitan arah qiblat dan cerapan hilal.
- Membuat kempen "Remaja Falak".
- Menganjurkan program "Bulan Falak Selangor".
- Mewujudkan subjek Falak di Sekolah Rendah / Menengah.

Program terbuka kepada orang awam. Sekiranya berminat, hubungi Bahagian Falak, Jabatan Mufti Negeri Selangor.

TAHUKAH ANDA...

Data Bumi:

Diameter dari khatulistiwa : 12,756 km
 Jarak rata-rata dari matahari : 149,6 juta km
 Pusingan : 23 jam 56 minit
 Waktu setahun 365.25 hari
 Suhu permukaan : - 89 °C hingga 58 °C



STATISTIK PENENTUAN & PENGESAHAN ARAH QIBLAT TAHUN 2008:

BIL.	BULAN	SURAU		MASJID		TANAH KUBUR		PREMIS *						JUMLAH
		BARU	SEMAK SEMULA	BARU	SEMAK SEMULA	BARU	SEMAK SEMULA	(P)	(HT)	(P.B)	(H)	(S.M)	(R&R)	
1.	JANUARI	4						1	2		1	3		11
2.	FEBRUARI	9						2				1		12
3.	MAC	9		1				1				1		12
4.	APRIL	6		2		1		6				1	3	19
5.	MEI	10			2	1		3		1	1	2		20
6.	JUN	4						5					1	10
7.	JULAI	13						6			2	2		23
8.	OGOS	9		1								1		11
9.	SEPTEMBER	6						2	1	3	1	1		14
10.	OKTOBER	2						2	1					5
11.	NOVEMBER	11		1				2		1		1		16
12.	DISEMBER	9	3		1		2	4		1				20
JUMLAH		92	3	5	3	2	2	34	4	6	5	13	4	173

STATISTIK PENENTUAN & PENGESAHAN ARAH QIBLAT JANUARI - MAC 2009:

BIL.	BULAN	SURAU		MASJID		TANAH KUBUR		PREMIS *						JUMLAH
		BARU	SEMAK SEMULA	BARU	SEMAK SEMULA	BARU	SEMAK SEMULA	(P)	(HT)	(P.B)	(H)	(S.M)	(R&R)	
1.	JANUARI	4			1		2	5		1		1		14
2.	FEBRUARI	7	4				2	7			1	1		22
3.	MAC	9	3		1	1	5		1			1		21
JUMLAH		20	7		2	1	9	12	1	1	1	3		57

* PREMIS:- (P) PEJABAT (P.B) PUSAT MEMBELI BELAH (S.M) STESYEN MINYAK (HT) HOTEL (H) HOSPITAL (R&R) REHAT & RAWAT

Permohonan untuk penentuan dan pengesahan arah qiblat boleh dibuat secara online di www.muftiselangor.gov.my

REPLIKA ARAH QIBLAT DI TANAH PERKUBURAN ISLAM :

Pada tahun ini, Bahagian Falak akan memberi tumpuan kepada penentuan arah qiblat di tanah perkuburan Islam. Justeru, pihak terbabit (nazir-nazir masjid seluruh Selangor) perlu membuat permohonan ke Jabatan Mufti Negeri Selangor bagi proses penentuan arah qiblat. Setelah pengesahan dijalankan, tanah perkuburan berkaitan perlu dibina replika petunjuk arah qiblat bagi memandu masyarakat untuk pengebumian jenazah serta mengelakkan kebergantungan kepada penggali kubur semata-mata.

Contoh replika arah qiblat



* Petunjuk arah qiblat ini telah didirikan di Tanah Perkuburan Islam Kampung Pendamar, Klang.

Keratan Akhbar Sinar Harian 25 Februari 2009

Arahan replika arah kiblat sudah dimaklumkan S5

K. GAVES - Jabatan Mufti Negeri Selangor mengambil tindakan awal dan proaktif berhubung penentuan arah kiblat di tanah perkuburan Islam di negeri ini.

Pegawai Hal Ehwal Islam Bahagian Falak, Jabatan Mufti Negeri, Rizal Ramli berkata, bermula 30 Oktober tahun lalu, pihaknya telah mengeluarkan surat kepada Pejabat Agama Islam Daerah (PAID) supaya menyampaikan maklumat kepada nazir masjid seluruh Selangor untuk membina replika arah kiblat di tanah perkuburan Islam.


Menurutnya, pembinaan replika arah kiblat adalah sebagai panduan dan rujukan terutama kepada penggali kubur termasuk individu yang membuat kepingan batu supaya tidak berlakunya masalah arah kiblat.

"Semasa membuat penentuan arah

kiblat di tanah kubur jabatan mufti telah memberi garis panduan kepada jawatankuasa masjid agar membina replika arah kiblat sebagai panduan dan rujukan," katanya.

Beliau ketika mengulas kenyataan cadangan Setiausaha Persatuan Imam Pegawai Masjid dan Penolong Pendaftaran Nikah Daerah Gombak, Mohd Roslisham Mohd Ikhlak pada 20 Februari lalu supaya Jabatan Mufti dan Majlis Agama Islam Selangor (Mais) diletakkan papan tanda arah pandu kiblat yang boleh dijadikan panduan.

Menurutnya, Menteri Besar, Tan Sri Khalid Ibrahim sebelum ini telah menyarankan agar dibina petunjuk arah kiblat di tanah perkuburan Islam negeri ini ketika merasmikan Konvensyen Falak Selangor pada 19 Julai tahun lalu.



Sebahagian JKKK dan nazir masjid yang hadir mendengar taklimat yang disampaikan Rizal (tiga dari kiri) mengenai replika arah kiblat di tanah perkuburan.

SENARAI TANAH PERKUBURAN ISLAM YANG MEMBUAT PERMOHONAN UNTUK PENGESAHAN (2004 - MAC 2009) :

BIL.	LOKASI	TARIKH PENGESAHAN
1.	Tanah Perkuburan Islam Lipat Kajang, Klang	18/2/2004
2.	Tanah Perkuburan Islam Bukit Lagong Masjid Al Muttaqin	19/5/2004
3.	Tanah Perkuburan Islam Paya Jaras	7/6/2004
4.	Tanah Perkuburan Islam Taman Sri Gombak, Gombak	16/3/2005
5.	Tanah Perkuburan Islam Kg. Seri Keledang Hulu, Hulu Selangor	14/9/2005
6.	Tanah Perkuburan Islam Kg. Batu 12 Kapar, Klang	8/8/2006
7.	Tanah Perkuburan Islam Bandar Tun Hussein Onn	21/3/2007
8.	Tanah Perkuburan Islam Kota Damansara	5/4/2007
9.	Tanah Perkuburan Islam Raudatul Firdaus Rawang	17/7/2007
10.	Tanah Perkuburan Islam Sg. Lang, Banting, Kuala Langat	18/7/2007
11.	Tanah Perkuburan Islam Bandar Seri Putra, Bangi	26/7/2007
12.	Tanah Perkuburan Islam Bandar Tasik Kesuma	5/11/2007
13.	Tanah Perkuburan Islam Seksyen 9, Kota Damansara	28/4/2008
14.	Tanah Perkuburan Islam Batu 10 Kebun Baru, Kuala Langat	1/5/2008
15.	Tanah Perkuburan Islam Sungai Pinang, Klang	11/12/2008
16.	Tanah Perkuburan Kampung Dengkil Bt. 31 Jalan Banting, Kuala Langat	17/12/2008
17.	Tanah Perkuburan Islam Kampung Dato' Harun Serendah, Hulu Selangor	12/1/2009
18.	Tanah Perkuburan Islam Kampung Pendamar, Klang	14/1/2009
19.	Tanah Perkuburan Islam Selayang Baru, Gombak	23/2/2009
20.	Tanah Perkuburan Islam Sungai Tua, Gombak	23/2/2009
21.	Tanah Perkuburan Islam Kampung Lembah Paya, Sepang	17/3/2009
22.	Tanah Perkuburan Islam Kampung Salak Tinggi, Sepang	17/3/2009
23.	Tanah Perkuburan Islam Kampung Delek, Klang	19/3/2009
24.	Tanah Perkuburan Islam Kampung Tumbuk Darat, Kuala Langat	23/3/2009
25.	Tanah Perkuburan Islam Bukit Sentosa, Rawang	23/3/2009
26.	Tanah Perkuburan Islam Kampung Tengah, Mukim Ampang, Ampang	26/3/2009

PROGRAM TURUN PADANG "MUFTI BERSAMA MASYARAKAT" 2009

Jabatan ini telah mengadakan program turun padang sekurang-kurangnya sekali sebulan iaitu pada hari Jumaat kerana mengambil peluang dan kesempatan umat Islam mendirikan solat Jumaat. Program ini dapat mendekatkan hubungan antara Jabatan Mufti Negeri Selangor dengan masyarakat setempat. Berikut adalah jadual program turun padang yang telah dirancang bagi tahun 2009.



BIL.	TARIKH	LOKASI MASJID	DAERAH
1.	20/2/2009	Masjid Jami' Sultan Hishamuddin, Pekan Sabak Bernam	Sabak Bernam
2.	20/3/2009	Masjid Jamek Al-Barokah, Kampung Asam Jawa	Kuala Selangor
3.	24/4/2009	Masjid Jamek Samadiah, Pelabuhan Klang	Klang
4.	15/5/2009	Masjid Diraja Sultan Alaeddin, Banting	Kuala Langat
5.	19/6/2009	Masjid Darul Ehsan, Keramat, Ampang	Gombak
6.	14/8/2009	Masjid Jamek Batu 14, Puchong	Petaling
7.	30/10/2009	Masjid Bandar Utama, Batang Kali	Hulu Selangor
8.	13/11/2009	Masjid Al-Hasanah, Bandar Baru Bangi	Hulu Langat
9.	4/12/2009	Masjid As-Sharif Kg. Dato' Ahmad Razali, Dengkil	Selangor

Perkhidmatan ICT Kepada Masyarakat Umum




Jabatan Mufti Negeri Selangor mempunyai Bahagian Teknologi Maklumat untuk memberi perkhidmatan ICT kepada masyarakat antaranya :-

1. Laman Web Jabatan

(www.muftiselangor.gov.my)

- Laman web ini menjadi medium elektronik jabatan menyampaikan maklumat berkenaan berita terkini aktiviti jabatan dan isu-isu agama yang berbangkit kepada orang awam.



Laman web ini dilengkapi maklumat berikut:-

1.1 Portal Fatwa Selangor

(www.muftiselangor.gov.my/PortalFatwaSelangor.htm)

- Menjadi bahan rujukan kepada masyarakat, berhubung keputusan Fatwa (Fatwa yang diwartakan / Fatwa yang diputuskan oleh Jawatankuasa Fatwa Negeri Selangor).
- Portal ini juga memuatkan Sistem e-Fatwa yang dibangunkan oleh JAKIM dengan kerjasama Jabatan Mufti seluruh Malaysia.



1.2 Portal Falak Syarie Selangor

(www.muftiselangor.gov.my/PortalFalakSyarieSelangor.html)

- Portal ini dilengkapi dengan maklumat perkembangan falak di Selangor, aktiviti falak, informasi baitulhilar, data arah qiblat, instrumen falak dan ianya membenarkan para pelayar memuat turun (*download*) pelbagai terbitan seperti taqvim waktu solat, laporan cerapan hilal setiap bulan serta pamflet falak.

1.3 Koleksi VCD Jabatan

- Para pelayar boleh memuat turun koleksi demo VCD yang merakamkan aktiviti jabatan.

1.4 Koleksi Soal Jawab Agama

- Menyediakan perkhidmatan soal jawab agama secara e-mail kepada masyarakat. (mufti_sel@selangor.gov.my)

1.5 Koleksi Berita Terkini Jabatan

- Masyarakat dapat mengetahui aktiviti-aktiviti atau program yang akan dan telah dianjurkan oleh jabatan ini.

1.6 Koleksi E-Book

- Para pelayar dapat memuat turun bahan-bahan terbitan Jabatan Mufti Negeri Selangor.

1.7 Koleksi Persembahan Multimedia

- Para pelayar dapat memuat turun koleksi persembahan multimedia yang dihasilkan dalam sesuatu majlis anjuran jabatan ini.

KHIDMAT PENASIHATAN AQIDAH

Jabatan ini menyediakan perkhidmatan penasihat aqidah, kepada saudara kita yang berhasrat kembali ke agama asal atau mereka yang terpengaruh dengan pegangan dan cara hidup penganut agama selain Islam.

Maksud ayat 256 surah al Baqarah; “**tidak ada paksaan dalam agama**”, menjelaskan seseorang yang tiada pegangan agama bebas untuk menentukan agamanya dan tidak boleh dipaksa untuk memeluk Islam. Bagi mereka yang telah mengisytiharkan Islam sebagai agamanya (masuk Islam), maka wajib melaksanakan tuntutan agama dan meninggalkan larangannya. Mereka tidak lagi tertakluk dengan ayat tersebut, tiada pilihan untuk menentukan agamanya dan tidak boleh menukar agamanya. Justeru, khidmat penasihat ini perlu agar mereka dapat dibantu. Walaupun hidayah merupakan ketentuan Allah, namun usaha dakwah, pencegahan dan penasihat wajib dilaksanakan.

Kategori perkhidmatan (mengikuti sesi penasihat):-

BIL.	KATEGORI	KETERANGAN
1.	Melalui permohonan	Sesiapa sahaja boleh memohon untuk mendapatkan khidmat penasihat aqidah. Pada kebiasaannya, klien yang datang adalah untuk memohon sokongan mendaftarkan perkahwinan atau menukar nama dan status agamanya di Jabatan Pendaftaran Negara. Memandangkan permohonan tersebut melibatkan pertukaran agama, maka ia akan direkodkan untuk tujuan penasihat sahaja.
2.	Melalui laporan / aduan	Seseorang yang didapati mempunyai tanda-tanda atau cubaan hendak menukar agama Islam, boleh dilapor atau diadu. Laporan hendaklah dikemukakan dengan fakta dan bukti yang tepat.
3.	Melalui arahan / permintaan agensi	Ia melibatkan kes-kes yang dirujuk oleh mahkamah atau lain-lain agensi untuk menjalani khidmat nasihat.

Proses-proses Penasihat

1. Menerima permohonan / aduan.
2. Merekod sebagai kes untuk diberi khidmat penasihat.
3. Menyelaras dan menjalankan sesi penasihat secara individu dan berkelompok mengikut keupayaan dan keperluan.
4. Menyediakan laporan hasil penasihat.
5. Memperakui dan menyokong mengikut merit bagi mendapatkan bantuan terutama daripada segi kebajikan dan bimbingan.

Panel Penasihat

Bagi memudahkan sesi penasihat, panel penasihat disediakan bersesuaian dengan keperluan klien yang mempunyai pelbagai pengalaman, pengetahuan, kemahiran dan profesion.

Sesi Penasihat Yang Telah Dijalankan

Setakat ini hanya sesi penasihat secara individu sahaja dijalankan. Seorang klien akan diminta mengikuti beberapa sesi penasihat, di mana setiap satu sesi sekurang-kurangnya satu jam diperlukan. Terdapat klien telah mengikuti sesi penasihat ulangan, yang dicadangkan oleh panel di samping permintaan daripada klien sendiri.

Di mana Perkhidmatan Disediakan

Jabatan Mufti Negeri Selangor
Bahagian Penasihat Aqidah,
Tingkat 7 & 8, Menara Utara, Bangunan Sultan Idris Shah,
40000 Shah Alam, Selangor.
Tel : 03-55143669 / 3715 Faks : 03-55197584
(u.p.: Tuan Hj. Mohd Daruddin b. Hj. Taib @ Hasan)

Nota : Bawa bersama maklumat-maklumat asas dan sokongan yang berkaitan.

* Ingin menjadi Ahli Persatuan Falak Selangor? sila lengkapkan borang di bawah :

BORANG PERMOHONAN MENJADI AHLI

فرساتوان اهلي فلك نكري سلاغور

PERSATUAN AHLI FALAK NEGERI SELANGOR

Jabatan Mufti Negeri Selangor

Tkt. 7 & 8, Menara Utara

Bangunan Sultan Idris Shah, 40000 Shah Alam

Tel : 03 - 5514 3716 / 17 / 18 Faks : 03 - 5519 7584

NAMA PEMOHON : _____
 NO K/P : _____ TARIKH LAHIR : _____
 JANTINA : _____ UMUR : _____
 ALAMAT RUMAH : _____
 TELEFON RUMAH : _____ (H/P) : _____
 KELULUSAN : _____
 ALAMAT PEJABAT : _____
 TELEFON PEJABAT : _____ FAKS : _____
 PEKERJAAN : _____ E-MAIL : _____
 ALAMAT INSTITUSI (Bagi Penuntut) : _____
 BIDANG PENGAJIAN : _____ TAHUN : _____

Sukacitanya saya memohon untuk menjadi ahli **PERSATUAN FALAK NEGERI SELANGOR**. Saya akan mematuhi segala perlembagaan persatuan dan lain-lain peraturan yang ditetapkan. Saya mengaku segala maklumat yang diberikan di atas adalah benar.

Saya sertakan wang tunai / cek / kiriman wang pos sebanyak RM _____ sebagai bayaran menjadi ahli.

Yang benar,

[_____]

Tarikh : _____

YURAN KEAHLIAN

KEAHLIAN	BAYARAN MASUK (RM)	YURAN TAHUNAN (RM)
BIASA	5.00	20.00
PENUNTUT	2.00	5.00
BERSEKUTU	5.00	20.00

UNTUK KEGUNAAN PEJABAT

DILULUSKAN	TIDAK DILULUSKAN	NOMBOR AHLI
_____	_____	_____
[(YANG DIPERTUA)]		[(SETIAUSAHA)]

FIRMAN ALLAH S.W.T. YANG BERMAKSUD :-

*“Sesungguhnya pada kejadian langit dan bumi,
dan pada pertukaran malam dan siang,
ada tanda-tanda (kekuasaan, kebijaksanaan
dan keluasan rahmat Allah) bagi orang yang berakal”*

*“(Iaitu) Orang yang menyebut dan mengingati Allah
semasa mereka berdiri, duduk dan semasa mereka
berbaring mengiring dan mereka pula memikirkan
tentang kejadian langit dan bumi (sambil berkata),
“Wahai Tuhan kami! tidaklah Engkau menjadikan
kesemua ini dengan sia-sia. Maha Suci Engkau, maka
peliharalah kami daripada azab neraka”.*

(SURAH ALI ‘IMRAN : 190-191)

**Ikuti Ekspedisi Gerhana Matahari Penuh
di Hangzhou/Shanghai, China
pada 20-26 Julai 2009
(Pembiayaan Sendiri)**

**Jika Berminat Hubungi Bahagian Falak
Jabatan Mufti Negeri Selangor**